

Agenda JENDELA perlu diterus

Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang mencapai sasaran pada tahun lalu, perlu diikuti strategi dan mekanisme pelaksanaan untuk fasa seterusnya.

Ini merangkumi isu berkaitan cabaran, prestasi dan kemajuan pelan untuk memastikan matlamat menyediakan akses berkualiti tinggi terhadap sambungan digital di seluruh negara.

Kerajaan komited memperbesar dan menerapkan JENDELA pada tahun ini dalam meningkatkan lebih liputan dan penggunaan jalur lebar di seluruh negara demi memenuhi permintaan dijangkakan lebih tinggi semasa norma baharu serta mendorong ekonomi digital lebih inovatif.

Walaupun COVID-19 memberi kesan kepada pelaburan kerajaan, demi keutamaan terhadap kesihatan awam dan ekonomi, rencana JENDELA tetap diketengahkan untuk memastikan transformasi digital.

Usaha ini tidak boleh diganggu walaupun oleh wabak kerana ia akan memacu Malaysia ke tahap pembangunan negara. Ia juga inisiatif penting merapatkan jurang digital antara bandar dengan luar bandar melalui penyambungan digital lebih baik.

Amat melegakan apabila JENDELA mencapai sasaran ditetapkan tahun ini walaupun dihujani berita akses internet kurang memuaskan. Ini menunjukkan kerajaan melakukan sesuatu dalam menangani masalah berkenaan dengan berkesan.

Namun, kerajaan perlu lebih spesifik terhadap pencapaian JENDELA supaya rakyat dapat melihat hasil perencanaan berkenaan terutama luar bandar yang akses internet masih lemah.

Seperti laporan fasa pertama JENDELA, fasa berikutnya sekitar 2021 hingga 2022 mempunyai sasaran lebih besar, iaitu mencapai sekitar 96.9 peratus liputan internet 4G bersama kelajuan 35Mbps serta perancangan dan persiapan infrastruktur 5G.

Dengan mempertimbangkan hal itu, fasa seterusnya memerlukan pelaburan sekitar RM7.5 juta dengan proses pelaksanaan lebih daripada kebiasaan, terutama kualiti dan kuantiti pelaksanaan serta pemantauan lebih baik.

Kerajaan perlu memastikan pelaksanaannya tepat pada masanya atau mungkin lebih pantas bagi menampung permintaan internet kerana norma baharu ketika memerangi pandemik.

Pada tahun lalu, RM4.95 juta dipe-runtukkan bagi mencapai sasaran 91.8 peratus liputan 4G, kelajuan mudah alih 25Mbps dan pelaksanaan projek demo 5G.

Bagaimanapun, kita masih melihat beberapa perkara tidak menyenangkan di media massa mengenai kelemahan internet, apatah lagi pembangunan infrastruktur digital mungkin terhalang akibat COVID-19.

Pandemik ini mencetuskan pening-

katan lalu lintas internet 30 hingga 70 peratus dan penurunan kelajuan internet antara 30 hingga 40 peratus, justeru menggambarkan permintaan internet lebih tinggi yang mungkin akan meningkat lagi.

Sambungan internet terhad ternyata masih dialami rakyat di tengah-tengah krisis COVID-19, sedangkan liputan stabil diperlukan bagi membantu urusan harian seperti pendidikan dalam talian, e-dagang dan komunikasi maya.

Diharapkan ia dapat dibaik pulih pada fasa JENDELA berikutnya bagi memastikan kelestarian dan keberkesanan akses internet.

Ini bermakna lebih banyak ruang perlu diperbaiki dalam memudahkan pembangunan rencana JENDELA tahun ini, terutama ke arah infrastruktur penyambungan lebih lestari dan inklusif untuk seluruh rakyat.

Oleh itu, usaha penambahbaikan harus melengkapkan fasa JENDELA bagi menangani cabaran sebelum ini kerana tahun berikutnya akan memberikan lebih banyak cabaran. Ini kerana krisis COVID-19 masih berlanjutan, khususnya gelombang ketiga yang sukar diramalkan kesudahannya.

Jika tidak, negara kita akan berada di takuk lama dengan memiliki infrastruktur digital kurang maju tanpa penambahbaikan, sekali gus mengganggu usaha menjayakan pelan transformasi digital.

Mungkin sukar untuk mencapai objektif akses internet penuh kepada seluruh rakyat. Namun, dengan pemantauan ketat dan pengawasan lebih berkesan serta kerjasama kerajaan negeri, ia tidak mustahil.

Kerjasama strategik dengan kerajaan negeri diperlukan untuk memastikan projek berhasil dan diperkukuhkan lagi pada fasa berikutnya. Kerajaan negeri perlu mendapat maklumat tepat mengenai strategi pelaksanaan JENDELA supaya dapat menyokong persiapan asas.

Dengan memetik Johor sebagai contoh, kerajaan negeri memperuntukkan RM2 juta untuk fasa ketiga Johor Wifi 2.0 bagi sambungan internet lebih baik terutama di luar bandar, sekali gus sejajar dengan rancangan JENDELA.

Aspek kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan dengan negeri dalam pelaksanaan JENDELA memerlukan pemantauan rapi bagi memastikan kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan tidak ketinggalan misalnya dalam memberi persetujuan bagi pembinaan utiliti seperti menara telekomunikasi dan pemasangan gentian optik.

Hal ini sangat penting buat rakyat di luar bandar dan kawasan lain yang belum mendapat akses internet, berdasarkan tender baharu untuk pemain industri telekomunikasi melangkaui skop serta piawaian Pelan Gentian Optik Dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) sebelum ini.

Penulis adalah Pembantu Penyelidik di EMIR Research



Farhan Kamarulzaman

